

R B873 DEB  
MAHATHIR - ISLAM  
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 11 DIS. (BERNAMA) -- KEWARASAN AKAL DAN BUKAN PERASAAN HARUS DIJADIKAN PEDOMAN OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM BAGI MENUNAIKAN TUGAS Masing-masing, K A T A PERDANA MENTERI, DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD.

SERUAN DAKWAH ISLAM PERLUKAN HUKAH-HUKAH YANG MUNASABAH DAN DISERTAI DENGAN DALIL YANG BOLEHDITERIMA OLEH AKAL, KATANYA.

+ INILAH YANG MEMBEZAKAN DAKWAH ISLAMIAH SEBENAR DARIPADA SERUAN-SERUAN LAIN SAMA ADA PADA MASALAMPAU ATAU SEKARANG, + KATA PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSANNYA KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG KETIGA MAJLIS DAKWAH XSLAMIAH BAGI ASIA TENGGARA DAN PASIFIK (RISEAP) DI SINI.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM MESTI BERTINDAK LEBIH DARIPADA SEKADAR MENASIHAT, BERDAKWAH, BER CERAMAH, BERBAHAS, MENETAPKAN UNDANG-UNDANG ISLAM ATAUPUN MENGHIDUPKAN SEMULA WARSSAN ISLAM, KATANYA.

WALAU PUN USAHA SEDEMIKIAN PENTING, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM MESTI MAMPU MENYAMPAIKAN WARISAN NABS MUHAMMAD S.A.W. DAN SERUAN ISLAM DI ZAMAN MODEN INI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA UMAT ISLAM HARUS BERTANYA DAN MENCARI JAWAPAN EAGAIMANA HARUS DILAKSANAKAN SURUHAN-SURUHAN ISLAM DI DUNIA MODEN INI.

PENGETAHVAN TERBARU MENGENAI TEORI ORGANASASI DAN PENYEBARAN MAKLUMAT HARUS MEMBERI MANFAAT KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM YANG MESTI MEMPUNYAI PENGETAHUAN TEPAT MENGENAI MASYARAKAT SEKELILING M-E-R-E-K-A

PERHIMPUNAN TIGA HARI ITU, YANG BERMULA PADA HARI AHAD INI, AKAN DIHADIRI OLEH 120 ORANG PEMIMPIN 60 PERTUBUHAN ISLAM DARI 17 NEGARA DI RANTAU INI. --BERNAMA.

095AMST 11 12 8